



KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

كوفراسي قرومودالن فيلدا مليسيا برحد

JAWATAN KOSONG

KERANI (JABATAN OPERASI & KEANGGOTAAN)

Kami menawarkan kepada yang berkelayakan untuk membina kerjaya bersama kami dengan mengisi kekosongan jawatan di Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) seperti berikut :

Syarat Kelayakan :

- Terdiri daripada Warganegara Malaysia berumur tidak melebihi 35 tahun;
- Mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- Boleh berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- Berkemahiran dan berpengetahuan dalam penggunaan Microsoft Office;
- Bertanggungjawab, jujur, amanah dan boleh bekerja secara individu atau secara berkumpulan dalam satu pasukan dengan pengawasan yang minimum;
- Keutamaan adalah diberikan kepada calon lelaki bagi memenuhi keperluan tugas luar.

Tugas & Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab menerima borang permohonan keanggotaan dan membuat pengasingan permohonan berdasarkan kaedah pembayaran;
- Menyediakan senarai permohonan yang telah lengkap disemak bagi proses kelulusan;
- Mengendalikan proses perekodan serta pemfailan dokumen permohonan secara teratur dan sistematik;
- Menyediakan surat makluman bagi permohonan yang telah mendapat kelulusan serta permohonan yang tidak memenuhi syarat atau tidak lengkap;
- Bertanggungjawab menguruskan urusan berkaitan pembayaran yuran masuk/modal syer dan penyediaan slip bank serta cetakan resit penerimaan bayaran;
- Mengemaskini maklumat anggota dan pelantikan penama atau waris anggota.

Permohonan boleh dibuat dengan mengisi BORANG PERMOHONAN PEKERJAAN yang terdapat di laman web <http://www.kpf.my/informasi/kerjaya.html> dan dikemukakan ke alamat seperti berikut sebelum 30 Januari 2026 :

Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad
Tingkat 8, Balai FELDA, Jalan Gurney 1
54000 Kuala Lumpur
Tel: 03-26942095 ext. 119/164
Emel: adminhr.kpf@felda.net.my

** Hanya calon yang akan disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi temuduga*